

BUKU PANDUAN
TATACARA PERMOHONAN SECARA
RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A,
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)



PLANMalaysia@Melaka

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI MELAKA)

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

EDISI 2022

CETAKAN PERTAMA 2022

© Hak Cipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran daripada;

Pengarah **PLANMalaysia@Melaka**

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Bahagian Projek Khas dan Inovasi
PLANMalaysia@Melaka


PRAKATA	1
SINGKATAN	2
LATAR BELAKANG	4
PENGENALAN	8
Matlamat dan Objektif	8
Fungsi	8
Peranan Urus Setia Urusan Rundingan Seksyen 20A, Akta 172 (PLANMalaysia@Melaka)	9
Peranan Jabatan Teknikal	9
Peranan Pemohon (Kementerian/Jabatan/Agensi)	10
PROSES PERMOHONAN	11
Peringkat Proses Rundingan	11
Proses Permohonan Rundingan	12
Carta Alir Proses Permohonan Rundingan	16
Keahlian Jawatankuasa	17
PENUTUP	18
LAMPIRAN	19
SENARAI JABATAN TEKNIKAL UNTUK EDARAN PELAN PERAKU	27

PRAKATA

Buku Panduan ini disediakan bagi menjelaskan proses dan tatacara pelaksanaan Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A bagi projek-projek kerajaan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta lain-lain jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri atau persekutuan di Negeri Melaka.

Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) 1976 dan Pekeliling KSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (02) 799/6 Klt.9(9) bertarikh 14 Oktober 2009. Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki setiap jabatan atau agensi kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak dijalkannya. Ini adalah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut.

Kandungan buku panduan ini merangkumi aspek-aspek matlamat, fungsi, tatacara permohonan secara rundingan dan dan keahlian Mesyuarat Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A. Diharapkan dengan penyediaan buku panduan ini, pihak-pihak yang terlibat dapat memahami dengan lebih jelas berhubung dengan proses dan keperluan semasa mengemukakan permohonan.




BIL.	SINGKATAN	HURAIAN
1.	CCC	<i>Certificate of Completion and Compliance</i> (Sijil Penyiapan dan Pematuhan)
2.	DEIA	<i>Detailed Environment Impact Assessment</i> (Kesan Terperinci Kepada Alam Sekitar)
3.	EIA	<i>Environment Impact Assessment</i> (Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar)
4.	JK	Jawatankuasa
5.	JPBD Melaka	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka
6.	JPN	Jawatankuasa Perancang Negeri
7.	JTJPN	Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri
8.	KM	Kebenaran Merancang
9.	LCP	Laporan Cadangan Pemandangan
10.	MIP	<i>Malaysian Institute of Planners</i> (Pertubuhan Perancang Malaysia)
11.	MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
12.	PA	<i>Power of Attorney</i>
13.	PBPT	Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
14.	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
15.	PSP	<i>Principal Submitting Person</i> (Orang Utama Yang Mengemukakan)
16.	SI	<i>Soil Investigation</i> (Laporan Siasatan Tanah)
17.	SIA	<i>Social Impact Assessment</i> (Laporan Penilaian Impak Sosial)
18.	TIA	<i>Traffic Impact Assessment</i> (Laporan Penilaian Kesan Lalulintas)
19.	KSU	Ketua Setiausaha
20.	CPC	<i>Certificate of Practical Completion</i>

BIL.	SINGKATAN	HURAIAN
21.	JKR	Jabatan Kerja Raya
22.	KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
23.	JAIM	Jabatam Agama Islam Melaka
24.	PBN	Pihak Berkuasa Negeri
25.	MTPNg	Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri
26.	RT	Rancangan Tempatan
27.	JTJPN	Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri
28.	IWK	Indah Water Konsortium
29.	TNB	Tenaga Nasional Berhad
30.	SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

LATAR BELAKANG

Menurut seksyen 20A, dinyatakan;

“Maka hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri tentang apa-apa aktiviti pemajuan yang ia bercadang supaya dijalankan di dalam negeri itu.”



Pelaksanaan
Projek Kerajaan

Kaedah Pelaksanaan Permohonan

Punca Kuasa / Dokumen
BerkaitanKonvensional
Perunding**Kebenaran Merancang di bawah Seksyen 21, Akta 172**

Urus setia : Unit Pusat Setempat (OSC), PBT
Keputusan : Kebenaran Merancang (Borang C1)
Pengeluaran : Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan
(*Certificate of Practical Completion and Compliance, CCC*)

Pekeliling KSU KPKT Bil. 7 Tahun 2009

Penambahbaikan Urusan Rundingan Bagi Projek Pembangunan JKR

Draf Pekeliling KSU KPKT Tahun 2022

Peluasan dan Penambahbaikan Urusan Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172 bagi Projek Pembangunan Kerajaan

Reka dan Bina
(*Design and Build*)**Urusan Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172**

Urus setia : PLANMalaysia Negeri
Keputusan : Aku Janji dan Sijil Perakuan Rundingan
Pengeluaran : Sijil Perakuan Siap Kerja
(*Certificate of Practical Completion, CPC*)

Pekeliling KP Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Bil. 1 Tahun 2016

Urusan Kelulusan Kebenaran Merancang Bagi Projek-projek Kerajaan yang dilaksanakan Oleh JKR Secara Konvensional Dalam

LATAR BELAKANG


Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara Bilangan 2 pada 30 April 2009, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membentangkan kertas kerja mengenai “Kelewatan Kelulusan Kebenaran Merancang Dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – Isu Dan Cadangan Penyelesaian”.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara Bilangan 3 pada 21 Mei 2009 bersetuju dengan cadangan penambahbaikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mempercepatkan projek-projek kerajaan melalui rundingan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).

Memorandum bertajuk “Penambahbaikan Urusan Perakuan Semua Projek Jabatan Kerja Raya Melalui Rundingan dan Pengecualian Kebenaran Merancang” telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009. Mesyuarat bagi membincangkan kertas-kertas Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri pada 17 Julai 2009 dan bersetuju supaya:

- takrifan yang jelas diberikan kepada proses “perundingan” yang tidak menunjukkan sebagai proses mendapatkan kelulusan ;
- JKR hendaklah mematuhi syarat-syarat dan keperluan semua agensi teknikal sebelum mengemukakan cadangan pemajuan kepada Jawatankuasa Teknikal JPN ; dan
- tempoh masa bagi proses rundingan hendaklah ditentukan bagi menepati keperluan pihak yang terlibat iaitu JKR dan Jawatankuasa Teknikal JPN.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2009 telah menimbang dan bersetuju dengan penambahbaikan urusan rundingan dengan JPN di bawah seksyen 20A, Akta 172 bagi projek-projek kerajaan yang diurus dan diselia oleh JKR.



Buku Akta 172

Pada awalnya permohonan di bawah seksyen 20A, Akta 172 ini hanyalah projek-projek kerajaan yang diuruskan sendiri oleh JKR. Berikut merupakan beberapa contoh projek yang pernah dikemukakan ke PLANMalaysia@Melaka.

- i. Cadangan Membina dan Menyiapkan Sekolah Rendah Agama (JAIM) Permatang Pasir, Daerah Melaka Tengah, Melaka
- ii. Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Klinik Kesihatan Jenis 4 Beserta Kuarters di Mukim Chabau, Daerah Jasin, Melaka.
- iii. Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Tehel Di Atas Lot 2468 dan Lot 2469, Mukim Ayer Panas, Daerah Jasin, Melaka
- iv. Pembinaan Litar Latihan Dan Ujian Memandu Di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia Di Atas Lot 683, Mukim Ayer Molek, Melaka



Kerja Tanah Sek. Men. Tahfiz Al-Quran (JAIM)
Chenderah, Daerah Jasin, Melaka

Walau bagaimanapun, ianya telah diperluaskan kepada Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta lain-lain jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri atau persekutuan di Negeri Melaka.



Dewan Sek. Men. Tahfiz Al-Quran (JAIM)
Chenderah, Daerah Jasin, Melaka



Sek. Men. Tahfiz Al-Quran (JAIM) Chenderah

Matlamat & Objektif

Membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum dan menyelaraskan perkara dasar, peruntukan akta, syarat-syarat teknikal berkenaan projek projek Kerajaan yang hendak dilaksanakan. Proses rundingan ini untuk memastikan pembangunan tersebut adalah selaras dengan perancangan keseluruhan dan memudahkan kerja-kerja penyelarasan fizikal.


Bagi cadangan projek-projek pembangunan infrastruktur utama, perkara-perkara yang dirunding adalah meliputi:-

- i. Jajaran laluan atau lokasi kemudahan yang mengambilkira faktor zoning, gunatanah, koridor pembangunan, penjana ekonomi, kemudah sampaian, kesan kepada alam sekitar, sosial dan pemilikan tanah.
- ii. Pematuhan kepada dasar, peruntukan akta, garis panduan, peraturan dan syarat-syarat teknikal yang perlu di patuhi semasa perancangan dan pelaksanaan projek.

Fungsi

Fungsi Mesyuarat Rundingan Seksyen 20A termasuklah:-

- i. Sebagai penasihat kepada permohonan secara rundingan bagi projek-projek kerajaan yang di rancang dan dilaksanakan Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta lain-lain jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri atau persekutuan di Negeri Melaka.
- ii. Menilai jajaran dan lokasi projek selaras dengan dasar, strategi, peruntukan akta, halatuju, rancangan struktur, rancangan tempatan, garis panduan dan syarat-syarat teknikal agensi serta jabatan di peringkat Negeri Melaka.
- iii. Menyelaraskan bersama agensi-agensi teknikal peringkat Negeri Melaka berkenaan cadangan-cadangan projek pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, talian voltan tinggi, tembatan banjir, sistem pembetulan dan lain-lain yang melibatkan implikasi kepada penduduk dan alam sekitar.
- iv. Memaklumkan dan mendapatkan persetujuan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka.

Peranan Urus Setia Urusan Rundingan Seksyen 20A, Akta 172 (PLANMalaysia@Melaka)**Peranan Jabatan Teknikal**

Jabatan teknikal menamakan wakil tetap dan wakil gantian yang bertanggungjawab dalam :



Memberi **ulasan teknikal**

Menghadiri mesyuarat urusan rundingan 20A

Peranan Pemohon (Kementerian/ Jabatan/ Agensi)**1**

Sebelum mengemukakan permohonan kepada PLANMalaysia@Melaka, kementerian/ jabatan/ agensi hendaklah membuat perbincangan awal bersama:

- a. Agensi teknikal berkaitan bagi membincangkan pematuhan keperluan teknikal
- b. Pihak Negeri (JPN/MTPNg) untuk mengambilkira perancangan pembangunan peringkat negeri

2

Mengemukakan senarai cadangan projek Rolling Plan yang telah diluluskan oleh EPU tersebut ke PLANMalaysia@Melaka sebagai makluman awal projek-projek yang akan dibawa untuk urusan rundingan 20A di peringkat negeri

3

Melibatkan PLANMalaysia@Melaka dalam Bengkel VA dan VE projek pembangunan yang dijalankan

4

Permohonan memenuhi pra syarat yang ditetapkan iaitu :

- a. Perihal tanah telah diselesaikan (melempi proses penyiaran Warta Seksyen 8, Akta 486) – Borang D
- b. Cadangan projek selaras RT dan zon guna tanah yang ditetapkan
- c. Permohonan mengambil kira garis panduan, pekeliling, arahan dan syarat lain yang ditetapkan oleh PBN

5

Kementerian/jabatan/agensi perlu mengemukakan permohonan yang lengkap kepada PLANMalaysia@Melaka mengikut senarai semak yang disediakan

6

Kementerian/jabatan/agensi mengemukakan pelan akhir dan Surat Aku Janji dalam masa 60 hari kepada urus setia selepas permohonan dirundingkan.

Peringkat Proses Rundingan Seksyen 20A

Peringkat I -
Rundingan
Awal

Rundingan Awal

Peringkat II -
Permohonan

Senarai Semak
Penyerahan Permohonan Kepada Urus Setia
Mesyuarat Semakan Permohonan Oleh Urus Setia
Edaran Permohonan Kepada Jabatan/Agensi
Pengumpulan Ulasan Jabatan Teknikal

Peringkat III -
Mesyuarat
Rundingan

Persediaan Mesyuarat Oleh Urus Setia
Pembentangan Permohonan Semasa Mesyuarat
Keputusan Mesyuarat

Peringkat IV -
Kelulusan

Persediaan Mesyuarat Kelulusan
Pembentangan Pelan Pindaan
Keputusan Mesyuarat

Peringkat V -
Perakuan
Kelulusan

Pembentangan Kertas Kerja Persetujuan Di Peringkat JTJPN dan JPN
Penyerahan Pelan dan Aku Janji Untuk Perakuan Kelulusan
Edaran Kelulusan

Peringkat VI -
Pemantauan

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek Setahun Sekali
Memantau Pelaksanaan Projek
Pemantauan kepada pematuhan syarat-syarat semasa peringkat rundingan

Proses urusan rundingan bagi permohonan urusan secara rundingan adalah seperti berikut:

PERINGKAT I RUNDINGAN AWAL

Pemohon akan mendapatkan rundingan awal dari urus setia sebelum permohonan dikemukakan. Pemohon akan dinasihati agar mengadakan rundingan awal dari Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan mana-mana jabatan yang dirasakan perlu bagi mengelakkan dari sebarang masalah yang timbul ketika mesyuarat rundingan yang boleh melambatkan proses permohonan.

PERINGKAT II PERMOHONAN

Pemohon hendaklah mengemukakan surat rasmi permohonan, laporan cadangan pemajuan beserta pelan dan dokumen yang lengkap kepada urusetia. Cadangan-cadangan projek yang dikemukakan oleh pemohon hendaklah mengandungi maklumat perancangan yang lengkap. Peringkat mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:

1. Senarai semak
Permohonan dikemukakan kepada urus setia mengikut senarai semak seperti di Lampiran I.
2. Penyerahan permohonan kepada urus setia :
 - a) Permohonan dikemukakan di kaunter PLANMalaysia@Melaka kepada urus setia. Pemohon hendaklah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:-

- i. Cadangan pemajuan adalah selaras dengan Rancangan Tempatan kawasan berkenaan
- ii. Perihal tanah seperti tukar syarat, pecah sempadan, cantuman, pecah bahagian atau pengambilan balik tanah telah diselesaikan
- iii. Mengambilkira perkara-perkara yang telah diselaraskan semasa proses rundingan awal bagi memastikan pandangan dan ulasan jabatan-jabatan teknikal diambilkira serta dipatuhi
- iv. Mengambilkira garis panduan, pekeliling, arahan dan syarat-syarat lain Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa

- b) Urus setia menyemak permohonan mengikut senarai semak yang telah lengkap diisi oleh pemohon.

3. Mesyuarat Semakan Permohonan Oleh Urus Setia

Mesyuarat ini dilaksanakan secara dalaman dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan permohonan di kaunter. Mesyuarat dilaksanakan bagi menyemak permohonan yang dikemukakan lengkap atau sebaliknya. Jika permohonan lengkap, permohonan akan diproses manakala yang tidak lengkap pemohon perlu mengambil semula permohonan dalam tempoh 5 hari dari tarikh semakan permohonan.

4. Edaran Permohonan Kepada Jabatan / Agensi Permohonan yang lengkap akan dibuat edaran kepada Jabatan Teknikal yang berkaitan.
5. Pengumpulan Ulasan Jabatan Teknikal Pengumpulan ulasan permohonan akan dikumpul dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat edaran permohonan.

PERINGKAT III

MESYUARAT RUNDINGAN

Mesyuarat Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A dengan kuasa yang diperturunkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri akan berunding dan menyelaraskan perkara-perkara teknikal.

1. Persediaan Mesyuarat Oleh Urus Setia
 - a. Tentukan tarikh mesyuarat bersama Pengerusi/Timbalan Pengerusi dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima
 - b. Membuat edaran panggilan mesyuarat kepada pemohon dan jabatan teknikal yang berkaitan
2. Pembentangan Permohonan Semasa Mesyuarat
 - a. Pihak pemohon akan membuat pembentangan berkenaan cadangan permohonan tersebut untuk pertimbangan mesyuarat
 - b. Perbincangan ulasan dari jabatan-jabatan teknikal yang terlibat
3. Keputusan Mesyuarat Mesyuarat akan membuat pengesyoran keputusan seperti berikut:
 - a. Lulus Permohonan yang lulus akan terus dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri (JTJPN) dan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)
 - b. Lulus Dengan Pindaan Permohonan perlu dibawa ke Mesyuarat Kelulusan bagi membincangkan pindaan yang telah dibuat sebelum kelulusan diberikan.
 - c. Tangguh Permohonan yang tangguh perlu dikemukakan semula untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Rundingan Pemakluman keputusan akan dikeluarkan kepada pemohon
4. Pemakluman Keputusan Mesyuarat Rundingan Pemakluman keputusan mesyuarat rundingan melalui penyediaan minit mesyuarat (dalam tempoh 3 hari) dan diedarkan kepada ahli mesyuarat dalam tempoh 7 hari.

PERINGKAT IV

KELULUSAN

Mesyuarat Kelulusan akan bersidang untuk meluluskan pelan pindaan yang telah dibuat selepas mesyuarat rundingan.

1. Persediaan Mesyuarat Oleh Urus Setia
 - a. Tentukan tarikh mesyuarat bersama Pengerusi/Timbalan Pengerusi dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima
 - b. Membuat edaran panggilan mesyuarat kepada pemohon dan jabatan teknikal yang berkaitan
2. Pembentangan Pelan Pindaan
Pihak pemohon akan membuat pembentangan pindaan yang telah dibuat berdasarkan kepada ulasan Jabatan Teknikal berkaitan untuk pertimbangan mesyuarat.
3. Keputusan Mesyuarat
Mesyuarat akan membuat pengesyoran keputusan seperti berikut:
 - a. Lulus
Permohonan yang lulus akan terus dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri (JTJPN) dan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

- b. Lulus Dengan Pindaan
Permohonan perlu dibawa ke Mesyuarat Kelulusan bagi membincangkan pindaan yang telah dibuat sebelum kelulusan diberikan.

- c. Tangguh
Permohonan yang tangguh perlu dikemukakan semula untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Rundingan

4. Pemakluman keputusan
Pemakluman keputusan mesyuarat kelulusan melalui penyediaan minit mesyuarat (dalam tempoh 3 hari) dan diedarkan kepada ahli mesyuarat dalam tempoh 7 hari.

PERINGKAT V

PERAKUAN KELULUSAN

1. Pembentangan Kertas Kerja Di Peringkat JTJPN dan JPN
 - a. Urus setia akan menyediakan kertas kerja persetujuan untuk mendapatkan persetujuan JTJPN dan JPN
 - b. Mendapatkan arahan pemberitahuan keputusan JPN dari urus setia JPN
 - c. Mengeluarkan surat kepada pemohon untuk mengemukakan pelan kelulusan dan Aku Janji untuk diperakukan dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat dikeluarkan.

2. Penyerahan Pelan dan Aku Janji untuk Perakuan Kelulusan
 - a. Pemohon mengemukakan pelan kelulusan dan Aku Janji kepada urus setia mengikut senarai semak di Lampiran II
3. Proses Memperaku Pelan
 - a. Menerima permohonan lengkap dari pemohon
 - b. Mengecap pelan perakuan dan melengkapkan Aku Janji
4. Edaran Kelulusan
 - a. Pelan yang telah diperakukan akan diedarkan kepada pemohon dan Jabatan Teknikal yang berkaitan.

PERINGKAT VI **PEMANTAUAN**

PLANMalaysia@Melaka mengambil inisiatif untuk melaksanakan pemantauan ke atas projek-projek Kerajaan yang telah dibawa masuk di bawah seksyen 20A. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan akan diadakan sekali setahun bagi memantau pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan. Pematuhan kepada syarat-syarat teknikal semasa rundingan juga akan dilihat semasa pemantauan dijalankan.

Ahli jawatankuasa pemantauan adalah sama seperti ahli Mesyuarat Rundingan Di Bawah Seksyen 20A. Walau bagaimanapun, Pejabat Pembangunan Negeri Melaka akan dijemput hadir sama bagi pemakluman kepada projek-projek yang telah diluluskan.




Program Pembaikan Sekolah Daif (Sekolah Kebangsaan Sungai Tuang, Masjid Tanah)



Projek SRA Bukit Lintang yang telah siap dibangunkan

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN



Pengerusi	Pengarah PLANMalaysia@Melaka
Timb.Pengerusi	Timbalan Pengarah
Urusetia	Bahagian Projek Khas, PLANMalaysia@Melaka
Ahli	1. Pihak Berkuasa Tempatan
	a. Jabatan Perancangan Bandar
	b. Jabatan Bangunan
	c. Jabatan Kejuruteraan
	2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Melaka
	3. Jabatan Kerja Raya (Bahagian Jalan)
	4. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka
	5. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka
	6. Pejabat Tanah dan Daerah
	7. Indah Water Konsortium (IWK)
	8. Syarikat Air Melaka Berhad
	9. Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka
	10. Bahagian Koridor dan Infrastruktur, Jabatan Ketua Menteri Melaka
	11. Perbadanan Teknologi Hijau Melaka
	12. Tenaga Nasional Berhad (TNB)
13. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)	
14. Bahagian Kawalan Perancangan, PLANMalaysia@Melaka	
15. Lain-lain Agensi Teknikal (jika perlu)	

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Urus Setia Mesyuarat Rundingan Di Bawah Seksyen 20A yang berpusat di PLANMalaysia@Melaka.



Hubungi Kami :



No. Tel. : 06-333 3333



No. Fax : 06-232 3443



PLANMalaysia@Melaka
Aras 5, Wisma Negeri
MITC, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka

SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN DIBAWAH SEKSYEN 20A AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]

TAJUK PERMOHONAN	PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172] BAGI CADANGAN			
PEMILIK TANAH				
PEMILIK BANGUNAN				
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	MBMB	MPAG	MPHTJ	MPJ

BIL.	PERKARA	JUMLAH SALINAN	TANDAKAN (/)	
			Pemohon	Urus Setia
A	DOKUMEN			
1.	Surat permohonan rasmi daripada JKR / Pemohon	1		
2.	Maklumat Tanah (Salinan Geran Tanah / Carian Rasmi)	3		
3.	Surat kebenaran laluan / akses keluar / masuk (jika berkaitan)	3		
4.	Laporan Penerangan Cadangan Pemasuaian	6		
5.	Borang SSA/PDC/1 dan Checklist PDC/1a	2		
B	PELAN			
6.	Pelan Susunatur yang lengkap dan mengandungi perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Tajuk Cadangan Pemasuaian (selaras dengan surat permohonan) ii. Skala lukisan mengikut kesesuaian iii. Pelan Kontur / spot level iv. Petunjuk / jadual komponen pembangunan v. Menunjukkan anjakan bangunan dan rizab-rizab utiliti vi. Jalan keluar / masuk ke /dari tapak cadangan 	18		
7.	Pelan Bangunan Yang Lengkap	4		
8.	Pelan Jalan Dan Parit Yang Lengkap	4		

BIL.	PERKARA	JUMLAH SALINAN	TANDAKAN (/)	
			Pemohon	Urus Setia
9.	Pelan Kerja Tanah Yang Lengkap (Jika Berkaitan)	4		
10.	Pelan Integrasi Koridor Infrastruktur	2		
C.	CD (Salinan Digital)	2		
11.	Softcopy Pelan Susunatur Yang Lengkap (format AutoCAD.dwg)			
D.	ELEMEN HIJAU (Yang Diterapkan Dalam Pembangunan)(sila nyatakan) i. _____ ii. _____ iii. _____ * Rujuk Garis Panduan Meterai Hijau Melaka (Melaka Green Seal)			

Nota :

- i. Permohonan yang tidak lengkap seperti senarai semak tidak akan didaftar dan diproses oleh urusetia
- ii. Setiap helaian pelan yang dikemukakan hendaklah :
 - Ditandatangani oleh JKR /pemohon, berserta nama dan cop rasmi
 - Ditandatangani oleh pemilik tanah / pemilik bangunan
 - Dilipat bersaiz A4, disusun dengan teratur mengikut no. pelan dan dijilid (bagi pelan yang berkaitan).
 - Sekiranya permohonan ini tidak lengkap pemohon perlu mengambil semula permohonan dalam tempoh 5 hari. Sekiranya tidak diambil, pihak urus setia tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan dokumen tersebut.

Maklumat Pemohon (pegawai untuk dihubungi)		Untuk Kegunaan Urusetia	
Nama	:	Lengkap	
		Tidak Lengkap	
Alamat Jabatan	:	Tandatangan Pegawai Penerima dan Cop Penerimaan:	
No. Tel	:		
No. Faks	:		
Tandatangan	:	Tarikh :	

SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN DIBAWAH SEKSYEN 20A AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]

TAJUK PERMOHONAN	PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172] BAGI CADANGAN
PEMILIK TANAH	
PEMILIK BANGUNAN	
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	MBMB MPAG MPHTJ MPJ

BIL.	PERKARA	JUMLAH SALINAN	TANDAKAN (/)	
			Pemohon	Urus Setia
A	DOKUMEN			
1.	Surat permohonan rasmi daripada JKR / Pemohon	1		
2.	Maklumat Tanah (Salinan Geran Tanah / Carian Rasmi)	3		
3.	Surat kebenaran laluan / akses keluar / masuk (jika berkaitan)	3		
4.	Laporan Penerangan Cadangan Pemajuan	6		
5.	Borang SSA/PDC/1 dan Checklist PDC/1a	2		
B	PELAN			
6.	Pelan Susunatur yang lengkap dan mengandungi perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Tajuk Cadangan Pemajuan (selaras dengan surat permohonan) ii. Skala lukisan mengikut kesesuaian iii. Pelan Kontur / spot level iv. Petunjuk / jadual komponen pembangunan v. Menunjukkan anjakan bangunan dan rizab-rizab utiliti vi. Jalan keluar / masuk ke /dari tapak cadangan 	18		
7.	Pelan Bangunan Yang Lengkap	4		
8.	Pelan Jalan Dan Parit Yang Lengkap	4		

BIL.	PERKARA	JUMLAH SALINAN	TANDAKAN (/)	
			Pemohon	Urus Setia
9.	Pelan Kerja Tanah Yang Lengkap (Jika Berkaitan)	4		
10.	Pelan Integrasi Koridor Infrastruktur	2		
C.	CD (Salinan Digital)	2		
11.	Softcopy Pelan Susunatur Yang Lengkap (format AutoCAD.dwg)			
D.	ELEMEN HIJAU (Yang Diterapkan Dalam Pembangunan)(sila nyatakan) i. _____ ii. _____ iii. _____ * Rujuk Garis Panduan Meterai Hijau Melaka (Melaka Green Seal)			

Nota :

- i. Permohonan yang tidak lengkap seperti senarai semak tidak akan didaftarkan dan diproses oleh urusetia
- ii. Setiap helaian pelan yang dikemukakan hendaklah :
 - Ditandatangani oleh JKR /pemohon, berserta nama dan cop rasmi
 - Ditandatangani oleh pemilik tanah / pemilik bangunan
 - Dilipat bersaiz A4, disusun dengan teratur mengikut no. pelan dan dijilid (bagi pelan yang berkaitan).
 - Sekiranya permohonan ini tidak lengkap pemohon perlu mengambil semula permohonan dalam tempoh 5 hari. Sekiranya tidak diambil, pihak urus setia tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan dokumen tersebut.

Maklumat Pemohon (pegawai untuk dihubungi)		Untuk Kegunaan Urusetia	
Nama	:	Lengkap	
		Tidak Lengkap	
Alamat Jabatan	:	Tandatangan Pegawai Penerima dan Cop Penerimaan:	
No. Tel	:		
No. Faks	:		
Tandatangan	:	Tarikh :	

Nota :

- i. Permohonan yang tidak lengkap seperti senarai semak tidak akan didaftar dan diproses oleh urusetia
- ii. Setiap helaian pelan yang dikemukakan hendaklah :
 - Ditandatangani oleh JKR / pemohon, berserta nama dan cop rasmi
 - Ditandatangani oleh pemilik tanah / pemilik bangunan
 - Dilipat bersaiz A4, disusun dengan teratur mengikut no. pelan dan dijilid (bagi pelan yang berkaitan).
 - Sekiranya permohonan ini tidak lengkap pemohon perlu mengambil semula permohonan dalam tempoh 5 hari. Sekiranya tidak diambil, pihak urus setia tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan dokumen tersebut.

Maklumat Pemohon (pegawai untuk dihubungi)		Untuk Kegunaan Urusetia	
Nama	:	Lengkap	
		Tidak Lengkap	
Alamat Jabatan	:	Tandatangan Pegawai Penerima dan Cop Penerimaan:	
No. Tel	:		
No. Faks	:		
Tandatangan	:	Tarikh :	

Adalah dengan ini (Pemohon) beralamat di (Alamat Pemohon) dengan ini berjanji bahawa Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan Tajuk Permohonan akan dilaksanakan dengan mengambilkira perkara-perkara yang telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A. Maka dengan ini, (Pemohon) juga berjanji akan:

- Memastikan semua syarat teknikal sepertimana yang telah dirundingkan bersama dipatuhi sepenuhnya; dan
- Bertanggungjawab ke atas pemajuan tersebut serta apa-apa kacau ganggu yang mungkin timbul sama ada sebelum, semasa dan selepas pelaksanaannya.

Sekiranya, pihak (Pemohon) ini gagal dalam mematuhi syarat-syarat sebagaimana ditetapkan dalam keputusan rundingan tersebut, maka Kerajaan Negeri Melaka boleh mengambil tindakan ke atas Jabatan ini berdasarkan undang-undang berkaitan yang terpakai bagi negeri tersebut.

.....
Tandatangan Pegawai Selia Projek

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :
Jawatan :
No. Kad Pengenalan :
Tarikh :

Nama Penuh :
Jawatan :
No. Kad Pengenalan :
Tarikh :

Diisi oleh Urusetia :

Keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka bil. bertarikh

Cop Rasmi
Urusetia, PLANMalaysia@Melaka

SENARAI EDARAN DOKUMEN PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A, AKTA 172

JABATAN KERJA RAYA (BAHAGIAN JALAN)

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia	
b)	1	Pelan Susunatur	
c)	1	Pelan Jalan dan Parit / Surat Serahan Awal Dari Pemohon	
d)	1	Pelan Kerja Tanah / Surat Serahan Awal Dari Pemohon	

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (BAHAGIAN PERANCANG)

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia	
b)	1	Pelan Susunatur	
c)	1	Maklumat Tanah	
d)	1	Surat Kebenaran Laluan (jika berkaitan)	
e)	1	Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)	
f)	1	Surat Aku Janji	

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (BAHAGIAN BANGUNAN)

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia	
b)	2	Pelan Bangunan	

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (BAHAGIAN KEJURUTERAAN)

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia	
b)	1	Pelan Susunatur	
c)	1	Maklumat Tanah	
d)	1	Surat Kebenaran Laluan (jika berkaitan)	
e)	1	Pelan Jalan dan Parit	
f)	1	Pelan Kerja Tanah	
e)	1	Surat Aku Janji	

PEJABAT TANAH DAN GALIAN MELAKA

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia	
b)	1	Pelan Susunatur	

JABATAN ALAM SEKITAR MELAKA

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia	
b)	1	Pelan Susunatur	
c)	1	Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)	

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI MELAKA

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia
b)	1	Pelan Susunatur
c)	1	Pelan Jalan dan Parit / Surat Serahan Awal Dari Pemohon
d)	1	Pelan Kerja Tanah / Surat Serahan Awal Dari Pemohon

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MELAKA

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia
b)	1	Pelan Susunatur
c)	1	Pelan Bangunan

PEJABAT TANAH DAN DAERAH

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia
b)	1	Pelan Susunatur
c)	1	Laporan Cadangan Pemaajuan (LCP)

BAHAGIAN KORIDOR DAN INFRASTRUKTUR MELAKA

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia
b)	1	Pelan Susunatur
c)	1	Pelan Integrasi koridor Infrastruktur

INDAH WATER KONSORTIUM

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia
b)	1	Pelan Susunatur
c)	1	Borang SSA/PDC/1 dan Checklist PDC/1 a

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia
b)	1	Pelan Susunatur

TENAGA NASIONAL BERHAD

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia
b)	1	Pelan Susunatur


SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM)

a)	1	(Cover Letter) Surat Edaran Permohonan dari urus setia
b)	1	Pelan Susunatur

BIL.	JABATAN TEKNIKAL	PELAN TATATUR
1.	PLANMalaysia@Melaka (urusetia)	1
2.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) <ul style="list-style-type: none">Jabatan Perancang BandarJabatan BangunanJabatan Kejuruteraan	1 1 1
3.	Jabatan Kerja Raya (Arkitek)	1
4.	Pemohon Projek	1
5.	Pejabat Tanah dan Daerah	1
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka	1
7.	PLANMalaysia@Melaka (Bahagian Kawalan)	1
	Jumlah	9

Catatan





Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pengarah
PLANMalaysia@Melaka
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka)

Tel : 06-333 3333 samb. 5135

Faks : 06-232 3443

Emel : jpbdmelaka@melaka.gov.my

Laman web : <https://www.jpbdmelaka.gov.my>